



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN ROBINA ECO PARK FASA II

OLEH

**TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD
FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**29 MEI 2022 (AHAD)
5.00 PETANG**

**ROBINA ECO PARK
TELUK AIR TAWAR
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, diberikan kesempatan untuk kita bertemu dan berhimpun pada petang yang barakah ini dalam Majlis Perasmian Robina Eco Park Fasa II.

Di kesempatan ini, saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin menjunjung kasih serta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang bersama Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Khadijah binti Mohd Noor di atas kesudian menghadiri serta menyempurnakan Majlis Perasmian Robina Eco Park Fasa II pada petang ini.

Saya selaku Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mewakili seluruh warga kerja MBSP juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Dato' Ir. Haji

Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I; Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkап Pengerusи Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa; Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkап Pengerusи Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan Dan Kesenian; Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Ahmad, Adun Teluk Air Tawar; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP; Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan MBSP; dan yang terutamanya para pemimpin tempatan, peniaga, penduduk-penduduk setempat serta pengunjung-pengunjung yang hadir kerana sudi melapangkan masa dan memeriahkan suasana bersama-sama bagi menjayakan Majlis ini.

**Tuan Yang Terutama, Yang Amat Berbahagia, Yang Amat Berhormat,
Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pembangunan Robina Eco Park merupakan salah satu usaha MBSP dalam merealisasikan *Penang2030: “A Family-Focused Green and Smart States That Inspires The Nation”*, di bawah Tema A dengan tumpuan kepada aspek pembangunan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi (“*Increase*

liveability to enhance quality of life”), iaitu mempelbagaikan kemudahan rekreasi, sukan dan seni yang termasuk warisan dan budaya. Pembangunan Robina Eco Park meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan. Hal ini kerana pembangunan Robina Eco Park melibatkan pembangunan alam semula jadi serta mempelbagaikan kemudahan sukan, rekreasi, kesenian dan kebudayaan.

Projek pembangunan Robina Eco Park ini telah menjadi salah satu tempat yang menjadi tarikan ribuan pengunjung, terutamanya pada setiap hujung minggu. Tarikan utama di sini selain daripada kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah:-

1. Pesisiran pantai sepanjang lebih kurang satu kilometer, yang cantik serta menghadap pulau dan boleh diakses oleh orang ramai.
2. Pantai Robina Eco Park ini adalah salah satu tempat di Seberang Perai Utara selain dari Hentian Rehat Bagan Ajam dan Kuala Muda yang mana pengunjung boleh menikmati panorama matahari terbenam.
3. Satu lagi tarikan di sini adalah wujudnya sudut fotografi yang mempunyai lukisan mural potret pemimpin tempatan dan juga mural flora dan fauna yang dilukis oleh artis tempatan.
4. Kawasan pantai ini juga mempunyai kawasan yang berpasir.

**Tuan Yang Terutama, Yang Amat Berbahagia, Yang Amat Berhormat,
Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Robina Eco Park Fasa II adalah kesinambungan daripada projek Robina Eco Park Fasa I yang berpaksikan kepada orientasi keluarga (*family oriented*) dengan menekankan konsep eko pelancongan sambil beriadah. Robina Eco Park Fasa II adalah menfokuskan peningkatan sosio-ekonomi di Seberang Perai. Komponen-komponen yang dibina adalah dataran *food truck*, kompleks makanan, pentas terbuka yang dapat membantu golongan peniaga yang terjejas dari Kategori B40 untuk meningkatkan dan memulihkan ekonomi di fasa endemik. Keseluruhan keluasan Robina Eco Park Fasa I dan Fasa II adalah dianggarkan seluas 13 ekar.

Robina Eco Park Fasa I telah disiapkan pada Mac 2020 dengan kos sebanyak RM1,464,000.00 yang menggunakan sepenuhnya peruntukan Majlis Bandaraya Seberang Perai. Manakala, Projek Robina Eco Park Fasa II ini telah bermula pada bulan Ogos 2021, dan walaupun projek ini tertangguh disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan, ianya telah dapat disiapkan sepenuhnya pada 11 Mac 2022. Syabas saya ucapkan kepada kontraktor Daya Potensi Sdn. Bhd. kerana dapat menyiapkan projek ini dalam

tempoh yang telah ditetapkan. Tahniah diucapkan kepada Jabatan Pelancongan, Seni dan Warisan MBSP kerana berjaya memastikan projek ini disiapkan sepenuhnya dan seterusnya menganjurkan program perasmian pada petang ini. Jutaan terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memberi peruntukan sebanyak RM2,000,000.00 untuk projek pembangunan di Fasa II ini. Di samping peruntukan Kerajaan Negeri, MBSP juga telah menggunakan wang sumbangan Majlis sebanyak RM385,000.00 bagi pelebaran jalan masuk, pembesaran kawasan tempat letak kereta dan kerja-kerja berkaitan.

**Tuan Yang Terutama, Yang Amat Berbahagia, Yang Amat Berhormat,
Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Taman ini dinamakan sebagai Eco Park memandangkan *Green Features* yang diwujudkan dalam projek ini antaranya adalah:-

1. Konsep hijau yang diterapkan melalui penanaman rumput di keseluruhan tapak pembangunan kawasan ini.
2. Kenderaan kereta dan motosikal tidak lagi dibenarkan masuk melalui taman ini pada Fasa I.
3. Lampu-lampu taman yang menggunakan sistem solar.

4. Penyediaan kemudahan laluan berbasikal dan penambahan pokok-pokok renek.

Di samping itu, *Public Consultation* juga telah dilakukan di dalam penyediaan reka bentuk serta semasa pembinaan dilaksanakan. Cadangan pembangunan ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Task Force yang diwujudkan di mana ianya melibatkan Ahli-ahli Majlis, Jabatan-Jabatan Teknikal dan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Teluk Air Tawar.

Semasa proses pembinaan Robina Eco Park Fasa II, MBSP telah mengadakan perbincangan dengan penduduk kawasan tersebut untuk menjadikan keseluruhan Robina Eco Park sebagai pusat rekreasi dan pelancongan bagi pelancong-pelancong terutamanya pelancong domestik. Ke arah hasrat tersebut, pembangunan Robina Eco Park Fasa III perlu dilaksanakan bagi membina laluan berbasikal sepanjang pantai bermula dari Robina Eco Park sehingga Kawasan Pantai Bersih. Saya dengan rendah hati memohon agar Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan dan memberikan kelulusan peruntukan bagi membiayai pembangunan Robina Eco Park Fasa III ini.

**Tuan Yang Terutama, Yang Amat Berbahagia, Yang Amat Berhormat,
Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Majlis Bandaraya Seberang Perai kini telah melaksanakan dasar-dasar pembangunan dan penggalakkan pelancongan agar prasarana di Pantai Robina ini dipertingkatkan serta diperbaharui ke arah pembangunan pelancongan yang efektif, komprehensif dan interaktif.

Akhir kata, saya memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, jika ada ketelanjuran kata, salah bicara sepanjang ucapan ini. Menjunjung kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, yang sudi hadir pada pagi ini dan seterusnya merasmikan Robina Eco Park Fasa II ini.

Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I; Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh; Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin; dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menyokong segala usaha-usaha Majlis Bandaraya Seberang Perai

Terima kasih juga kepada seluruh warga Seberang Perai yang sama-sama terlibat dalam usaha membantu MBSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih, hijau dan selamat serta mempunyai penduduk yang sihat. Syabas dan tahniah kerana memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**” dapat direalisasikan.

Sekian, Terima Kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh***